

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN
BILANGAN 2 TAHUN 2024

**PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 8
AKTA PERWAKILAN KUASA 1956**

Arahan ini dikeluarkan untuk memaklumkan Pentadbir-Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 18/2023 yang bersidang pada 20hb September 2023, telah meluluskan perwakilan kuasa sebagaimana yang disiarkan dalam Warta Kerajaan Kelantan Kn.P.U. No. 2474/2023 bertarikh 28 Disember 2023 sebagaimana lampiran berkembar.

2. Dengan ini, semua Pentadbir Tanah hendaklah mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya bagi melaksanakan arahan ini.

DATO' ROSNAZLI BIN HAJI AMIN, D.P.S.K.(Kelantan)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN.

KEPADA:

Yang Mulia / Yang Amat Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Menteri Besar Kelantan.
2. YB. Dato' Dr. Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
5. YBM Tengku Kaya Perkasa Dato' Dr. Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan.
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN**
BLOK 3 KOTA DARULNAIM,
15503 KOTA BHARU
KELANTAN

NO.FAIL : PTG.KN.23/69 JLD.5 (7)
BERTARIKH : 24 RAMADAN 1445H
04 APRIL 2024

WARTA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

2240

[28hb Dis. 2023]

No. 2474.

AKTA PERWAKILAN KUASA 1956 (Akta 358)

PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 8 AKTA PERWAKILAN KUASA 1956

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Seksyen 8 Akta Perwakilan Kuasa 1956, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mewakilkan kepada Pegawai-pejawai yang diperihalkan dalam Ruang (1) daripada Jadual di bawah ini menjalankan atau melaksanakan kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya menurut peruntukan-peruntukan yang diperihalkan dalam Ruang (2), tertakluk kepada syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang diperihalkan dalam Ruang (3) daripada Jadual, mulai daripada 01 Januari 2024.

JADUAL

(1) Pegawai	(2) Peruntukan	(3) Syarat-Syarat Dan Sekatan
1. Yang Berhormat Dato' Dr. Mohamed Fadzli bin Dato' Haji Hassan Timbalan Menteri Besar Kelantan	(a) Seksyen 13A Enakmen Rizab Melayu 1930	Kuasa melulus mana-mana permohonan di bawah peruntukan dalam ruang (2) bagi Anak-Anak Melayu yang berketurunan "Syed" atau "Sheikh" atau "Khan" termasuklah mereka yang berikut dan lain-lain yang beragama Islam : i. Arab ii. India-Pak-sub-continent iii. Turki iv. Indonesia v. Lain-lain keturunan mengikut fikiran pengarah tanah dan Galian yang boleh diterima sebagai termasuk dalam golongan yang tersebut.
2. Yang Berhormat Ustaz Mohd Asri bin Mat Daud Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta		
3. Yang Berhormat Zamakhshari bin Muhamad Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat		Kuasa melulus mana-mana permohonan untuk menggadai tanah.

WARTA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

28hb Dis. 2023]

2241

(1)	(2)	(3)
Pegawai	Peruntukan	Syarat-Syarat Dan Sekatan
4. Yang Berhormat Datuk Haji Kamarudin bin Md Nor Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan	(b) Seksyen 13A Enakmen Rizab Melayu 1930 (c) Seksyen 104 Enakmen Tanah 1938 (d) Seksyen 120 Kanun Tanah Negara (e) Seksyen 13A Enakmen Rizab Melayu 1930 (f) Seksyen 9 Enakmen Tanah Kelantan 1938 (g) Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965 (h) Seksyen 124A Kanun Tanah Negara (i) Seksyen 124 Kanun Tanah Negara 1965	Kuasa melulus mana-mana permohonan kerana pindahmilik tanah milik Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) kepada bukan Melayu dan/ atau bukan Anak-anak Kelantan bagi maksud-maksud Perindustrian. Kuasa melulus mana-mana permohonan kerana pindahmilik tanah milik Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) kepada bukan Melayu dan/ atau bukan Anak-anak Kelantan bagi maksud-maksud perniagaan dan/atau rumah kediaman. Kuasa melulus pemberimilikan tanah kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK). Kuasa untuk memberi milik Tanah Kerajaan Yang terlibat dalam tapak Rancangan Malaysia ke-9. Kuasa melulus mana-mana permohonan di bawah peruntukan dalam ruang (2) mengenai permohonan serentak bagi memecah sempadan dan mengubah syarat tanah-tanah yang akan dipecah untuk Projek Khas Perumahan Kos Rendah bagi Negeri Kelantan Kuasa melulus mana-mana permohonan menukar jenis kegunaan tanah kepada "Bangunan".

WARTA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

2242

[28hb Dis. 2023]

(1) Pegawai	(2) Peruntukan	(3) Syarat-Syarat Dan Sekatan
	(j) Seksyen 3, Seksyen 4(1) dan Seksyen 8(1) Akta Pengambilan Balik Tanah 1960	Kuasa melulus mana-mana permohonan dibawah peruntukan dalam ruang (2) mengenai tanah-tanah yang perlu dan mustahak diambil balik untuk projek-projek pembinaan Jalanraya dan Talair.
	(k) Seksyen 3, Seksyen 4 dan Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960	Menjalankan kuasa-kuasa Pihak Berkuasa Negeri di bawah Seksyen 3(1)(a), 4(1) dan 8(1) Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi tujuan Projek Rancangan Malaysia ke-9.
	(i) Seksyen 42 Kanun Tanah Negara 1965	(i) Kuasa memberimilik semua jenis tanah menurut Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965. (ii) Kuasa membenarkan lesen menduduki sementara di bawah Seksyen-Seksyen 65,66 dan 67 Kanun Tanah Negara 1965.
	(m) Seksyen 104, Seksyen 104(i) Enakmen Tanah Kelantan 1938	Kuasa melulus mana-mana permohonan pindahmilik tanah di luar kawasan rizab Melayu yang dimiliki oleh orang-orang bukan Melayu kepada anak cucu dan sebaliknya.
		Kuasa melulus mana-mana permohonan untuk menggadai tanah.
	(n) Seksyen 120 Kanun Tanah Negara	Kuasa melulus permohonan supaya dikecualikan daripada apa-apa syarat atau sekatan kepentingan tanah milik Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) bagi maksud-maksud Perindustrian.
		Kuasa melulus permohonan supaya dikecualikan daripada apa-apa syarat atau sekatan kepentingan tanah milik

WARTA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

28hb Dis. 2023]

2243

(1)	(2)	(3)
Pegawai	Peruntukan	Syarat-Syarat Dan Sekatan
		Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) bagi maksud-maksud perniagaan dan/atau rumah kediaman.
		Kuasa melulus mana-mana permohonan kerana jualan atau pajakan tanah-tanah yang dikenakan syarat-syarat kepentingan kepada Orang Melayu Anak Negeri Kelantan dan Kepada orang yang ditetapkan dalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu 1930.
		Kuasa melulus mana-mana permohonan gadaian tanah kepada Institusi-institusi Kewangan yang diiktiraf oleh Kerajaan seperti yang dinyatakan dalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu 1930 atau Jadual 26A Enakmen Tanah 1938.
		Kuasa melulus mana-mana permohonan menggadai tanah-tanah yang dikenakan sekatan kepentingan kepada orang Melayu anak Negeri Kelantan.
		Kuasa melulus mana-mana permohonan pindahmilik tanah di luar kawasan rizab Melayu yang dikenakan syarat-syarat kepentingan antara orang-orang Bukan Melayu Anak Kelantan

Bertarikh 04 Oktober 2023
Dated 04th October 2023
[SUK(S)D.200/472/5/2/Jld.84(10):
PTG.KN.5/3/9]

HJ. MOHAMAD BIN OTHMAN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan
Clerk of State Executive Council, Kelantan